

Jurnal Melayu
Bil. 15(2) 2016

KESILAPAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN YUNNAN DI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

SALINAH JAAFAR
Universiti Malaya
b1salina@um.edu.my

ROHAIDAH HARON
Universiti Malaya
eyda1826@um.edu.my

ABSTRAK

Akademi Pengajian Melayu merupakan antara fakulti yang banyak menerima kemasukan pelajar asing dari negara China yang ingin mempelajari bahasa Melayu dan mendapatkan ijazah dalam bidang Pengajian Melayu. Pendaftaran pelajar-pelajar China bagi kursus bahasa Melayu dan kursus-kursus lain di Akademi Pengajian Melayu (APM) telah menjadi satu fenomena yang tidak asing lagi di Universiti Malaya dan di Malaysia. Melalui perjanjian MOA dan MOU yang ditandatangani oleh Universiti Malaya dan universiti-universiti yang terlibat dari negara China, jumlah pelajar yang dihantar ke Akademi Pengajian Melayu semakin meningkat setiap tahun. Pelajar-pelajar ini hanya mempunyai kelayakan asas dalam bahasa Melayu dan hal ini menjadi satu cabaran kepada tenaga pengajar dan struktur kursus yang ditawarkan. Penguasaan bahasa Melayu yang asas sering menjadi masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar. Kajian ini akan meneliti aspek kesilapan bahasa dalam kalangan pelajar-pelajar Yunnan University of Nationalities (YUN), China, khususnya dari aspek morfologi, sintaksis dan mekanikal. Sehubungan itu, kajian ini memanfaatkan skrip jawapan peperiksaan akhir para pelajar YUN sebagai bahan kajian. Makalah ini turut mengemukakan saranan dan cadangan untuk membantu pelajar asing mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua agar dapat meningkatkan penguasaan bahasa mereka.

Kata kunci: bahasa Melayu; analisis kesilapan; morfologi; sintaksis; mekanikal

LANGUAGE ERRORS AMONG NATIONAL UNIVERSITY OF YUNNAN STUDENTS AT ACADEMY OF MALAY STUDIES

ABSTRACT

Academy of Malay Studies is among the faculties that accepts many foreign students especially from China, whom are interested to learn Malay language and earn a degree in Malay Studies. The enrolment of Chinese students to the Malay language program and other courses at the Academy of Malay Studies (APM) has become a phenomenon at University of Malaya and Malaysia. The number of students from China have been gradually increasing yearly through the MOA and MOU by University of Malaya and relevant universities in China. These students only have basic qualification in Malay language and this is a challenge to the lecturers and the structure of the courses offered. A mere basic command in Malay language is often a problem in

the process of teaching and learning among the students. This paper will examine common errors made by students from Yunnan University of Nationalities (YUN), China, especially in terms of morphology, syntax and mechanical. Final examination answer scripts of the YUN students used as data. This study offers as well recommendations and suggestions to assist foreign students to learn Malay language as a second language effectively in order to improve their language proficiency.

Keywords: Malay language; error analysis; morphology; syntax; mechanical

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan antara bahasa yang mempunyai penutur paling ramai di dunia dan juga merupakan bahasa antarabangsa. Usaha mengantarabangsakan bahasa Melayu telah bermula sejak zaman dahulu lagi. Dalam kisah Hikayat Hang Tuah disebut bahawa bahasa Melayu telah dibawa ke seluruh pelusuk dunia sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Pengantarabangsaan bahasa Melayu telah menyebabkan banyak negara menawarkan kursus bahasa Melayu sebagai kursus pilihan dan bahkan juga ada negara yang menawarkan kursus peringkat ijazah kepada pelajar-pelajar di negara masing-masing, antaranya seperti negara China, Korea dan Thailand. Negara China adalah contoh negara yang telah menawarkan kursus bahasa Melayu peringkat ijazah. Bermula dengan hubungan diplomatik yang dibuat oleh kerajaan Malaysia dengan negara China pada tahun 1970-an sehinggalah kini, negara China terus menghantar pelajar ke Malaysia untuk menguasai bidang bahasa Melayu. Bermula dengan kerjasama antara Beijing Foreign Studies University (BFSU) yang menghantar pelajar ke Universiti Malaya untuk mengikuti program Ijazah Pengajian Melayu sehinggalah sekarang terdapat beberapa universiti lain dari negara China turut menghantar pelajar-pelajar mereka ke Universiti Malaya untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan dalam program Pengajian Melayu di Akademi Pengajian Melayu.

Hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China yang telah wujud ratusan tahun dahulu kini dilanjutkan dengan hubungan yang lebih mantap, iaitu dengan adanya kerjasama pendidikan antara kedua-dua buah negara yang mampu mengeratkan lagi hubungan kerjasama bagi faedah bersama. Hampir setiap tahun negara China tidak putus-putus menghantar pelajar mereka ke Malaysia untuk belajar tentang budaya dan bahasa Melayu. Kedatangan pelajar-pelajar China ke Malaysia bukan setakat menambah bilangan pelajar asing yang menuntut di universiti-universiti di Malaysia bahkan juga dapat menaikkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, terutama dalam dunia hari ini yang sentiasa mahukan yang terbaik antara yang terbaik. Universiti Malaya merupakan satu daripada universiti yang terkemuka di dunia. Kedudukan Universiti Malaya yang dilihat tinggi menjadikan Universiti Malaya sebagai satu daripada pilihan utama pelajar-pelajar China untuk mendapatkan ijazah. Akademi Pengajian Melayu adalah satu daripada fakulti yang menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar China untuk mendapatkan ilmu.

Kemasukan pelajar-pelajar China ke Akademi Pengajian Melayu bukan sahaja telah menaikkan nama Universiti Malaya tetapi juga turut membuka mata universiti-universiti lain untuk menghantar pelajar mereka mengikuti kursus bahasa Melayu di APM. Setiap tahun pihak Akademi Pengajian Melayu pasti akan menerima tawaran untuk mengadakan MOA dan MOU dari universiti pelbagai negara dalam penawaran kursus di bawah program Pengajian Melayu. Namun begitu, kedatangan pelajar-pelajar asing yang mengikuti kursus di bawah program

Pengajian Melayu ini juga sebenarnya menjadi cabaran kepada Akademi Pengajian Melayu dalam mengendalikan pembelajaran dan pengajaran kepada pelajar-pelajar yang hanya mempunyai kemahiran asas dalam bahasa Melayu untuk memahami isi kandungan kursus bahasa Melayu itu sendiri dan juga memahami kandungan kursus lain yang berkaitan dengan dunia Melayu. Kedatangan pelajar-pelajar China ini sebenarnya bukan hanya untuk menguasai bahasa Melayu, tetapi juga bertujuan memahami budaya dan pelbagai aspek berkaitan masyarakat Melayu bagi membolehkan mereka memahami konsep dan konteks berbahasa yang ada dalam bahasa Melayu itu sendiri.

Penelitian terhadap aspek tatabahasa dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu banyak dilakukan oleh sarjana bahasa antaranya Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2010), Zaharani Ahmad et al., (2011), Nor Eliza dan Mohd Shahrizal Nasir (2014), Norsimah Awal, Nadzrah Abu Bakar dan Nor Hashimah Jalaluddin (2012), Ramli Salleh (2006), dan Zulkifley Hamid (2006) yang secara purata membincangkan aspek pembentukan kata dan tatabahasa bahasa Melayu, namun mereka tidak meneliti aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar.

Tahap kemahiran para pelajar China yang datang untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di Akademi Pengajian Melayu kebanyakannya adalah masih pada tahap asas. Oleh sebab itu, timbul beberapa masalah pengajaran dan pembelajaran dalam memastikan pelajar-pelajar China ini dapat mengikuti kursus dengan baik dan boleh lulus dengan cemerlang. Sehubungan dengan itu, kertas ini akan menganalisis tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar YUN dengan memberi tumpuan kepada aspek morfologi, sintaksis, dan juga kesilapan mekanikal. Analisis ini penting bagi melihat kekurangan dan kelebihan dalam merealisasikan aspek pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah bahasa yang ditunjukkan oleh pelajar.

STATISTIK PELAJAR-PELAJAR CHINA DI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

Sejarah kedatangan pelajar-pelajar China yang datang mengikuti pengajian di Akademi Pengajian Melayu bermula sejak tahun 2009 lagi, iaitu bermula dengan kedatangan 19 orang pelajar dari Universiti Guangxi yang mengikuti pengajian satu semester di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Selepas Universiti Guangxi pelajar-pelajar dari Universiti Beijing pula datang mengikuti kursus dan diikuti oleh pelajar-pelajar dari Universiti Beihang dan Universiti Kebangsaan Yunnan pada tahun 2013.

Unjuran Kemasukan Pelajar-pelajar China ke APM dari 2011 Hingga 2016

Kedatangan pelajar-pelajar dari negara China ke Akademi Pengajian Melayu hasil daripada MOA dan MOU yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak universiti, iaitu antara Universiti Malaya dengan universiti-universiti yang terlibat. Berikut merupakan unjuran kemasukan pelajar-pelajar dari China ke Akademi Pengajian Melayu sepanjang 5 tahun terkini.

JADUAL 1. Beijing Foreign Studies University (BFSU)

Tarikh / Tempoh	Bil. Pelajar
Jun-Julai 2011	27
September 2011-Januari 2012	7
September 2012-Januari 2013	6

September 2013-Januari 2014	14
September 2015-Julai 2016	22

Kemasukan pelajar China ke Akademi Pengajian Melayu dari Beijing bermula sejak tahun 2011. Setiap tahun Universiti Beijing sentiasa menghantar pelajar mereka ke Akademi Pengajian Melayu untuk mendalami penguasaan bahasa Melayu dan sedikit sebanyak mengenali budaya masyarakat Melayu di Malaysia.

JADUAL 2. Guangxi University of Nationalities (GXUN)

Tarikh / Tempoh	Bil. Pelajar
Semester 1 2009-2010	19
Semester 1 2014/2015	19
Semester 1 2015/2016	22

Pelajar dari Universiti Guangxi pula mula datang sejak tahun 2009, namun pada tahun 2011 sehingga 2014 mereka tidak menghantar pelajar ke Akademi Pengajian Melayu. Universiti Guangxi kemudiannya menyambung penghantaran pelajar ke Akademi Pengajian Melayu pada sesi 2014/2015 dan terus menghantar pelajar sehingga hari ini.

JADUAL 3. Beihai College of Beihang University

Tarikh / Tempoh	Bil. Pelajar
September 2012- Disember 2012	14
Semester 1 2013/2014	7

Universiti Beihang mula menghantar pelajar ke Akademi Pengajian Melayu pada tahun 2012, dan diikuti dengan sejumlah pelajar pada sesi 2013/2014. Selepas itu mereka tidak lagi menghantar pelajar atas sebab kos dan juga kekurangan pelajar.

JADUAL 4. Yunnan University of Nationalities

Tarikh / Tempoh	Bil. Pelajar
Semester 1 2013-2014	27
Semester 1 2014/2015	26
Semester 1 2015/2016	16

Universiti yang masih menghantar pelajar ke Akademi Pengajian Melayu sehingga hari ini ialah Universiti Yunnan yang bermula sejak 2013 dan masih lagi menghantar pelajar ke Akademi Pengajian Melayu pada sesi terbaru 2015/2016.

Penambahan bilangan pelajar yang datang ke Akademi Pengajian Melayu untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Melayu ini telah memberi satu impak yang besar kepada pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu bagi universiti yang terlibat. Selain pelajar-pelajar ijazah dasar, universiti-universiti yang terlibat juga turut menghantar pelajar-pelajar mereka untuk menyambung pengajian pada peringkat sarjana dan doktor falsafah. Secara umumnya, para pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu dan kursus-kursus lain di Akademi Pengajian Melayu dapat mengikuti kursus tersebut dengan baik. Namun begitu, tahap pencapaian penguasaan mereka terutama dalam memahami aspek morfologi dan sintaksis masih ada yang

perlu dibaiki. Perbincangan juga turut mengemukakan saranan dan cadangan yang mungkin dapat membantu mengatasi masalah kesalahan bahasa dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kertas ini menyelidik dan membincangkan aspek kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dari Universiti Kebangsaan Yunnan atas dasar bahawa pelajar-pelajar yang dikaji merupakan pelajar yang sedang menjalani pengajian di Akademi Pengajian Melayu dan data yang dikaji adalah data yang terkini.

ANALISIS KESILAPAN BAHASA OLEH PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN YUNNAN (YUN)

Pelajar-pelajar Universiti Yunnan yang datang ke Akademi Pengajian Melayu merupakan pelajar yang mengkhusus dalam program bahasa Melayu. Kesemua pelajar telahpun belajar bahasa Melayu asas sekurang-kurangnya satu semester atau satu tahun pengajian sebelum datang mengikuti program pertukaran pelajar di Akademi Pengajian Melayu. Kajian ini memanfaatkan skrip jawapan peperiksaan para pelajar dari Universiti Kebangsaan Yunnan China sebagai bahan kajian. Seramai 39 orang pelajar telah mengikuti kursus JBED 1108 Penulisan yang telah ditawarkan bagi sesi akademik 2015/2016 di Akademi Pengajian Melayu. Skrip jawapan tersebut merupakan skrip peperiksaan ijazah sarjana muda Pengajian Melayu bagi sesi akademik 2015/2016 semester 1. Namun begitu, untuk tujuan kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan bahagian B, iaitu bahagian penulisan esei. Bahagian penulisan dijadikan sebagai fokus kajian kerana melalui penulisan pelajar dapat mengaplikasi semua aspek tatabahasa bahasa Melayu yang telah mereka pelajari. Para pelajar diminta menghasilkan satu esei sepanjang 500 patah perkataan dengan tajuk yang mudah, iaitu, 'Faktor-Faktor Kemalangan Jalan Raya di Malaysia'. Esei-esei tersebut diperiksa dengan mengambil kira isi karangan, penggunaan bahasa yang tepat dan penggunaan tanda baca yang betul. Analisis yang dilakukan berdasarkan penilaian dan tahap pencapaian menunjukkan bahawa mereka yang mendapat markah 0 – 10 markah ialah sebanyak 7 orang pelajar (18%), markah 11 – 20 markah ialah sebanyak 21 orang pelajar (54%), dan markah 21 – 30 markah pula seramai 11 orang pelajar atau 28%. Oleh itu, kira-kira separuh (54%) pelajar mempunyai tahap pencapaian yang sederhana.

Analisis Kesilapan Morfologi

Secara ringkas, morfologi berkenaan dengan perkataan. Menurut Nik Safiah Karim et al. (1996: 43), morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu. Struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Bagi pelajar yang baru belajar bahasa Melayu, sistem morfologi ini kelihatan agak sukar untuk dikuasai sepenuhnya. Walaupun secara umumnya sistem morfologi bahasa Melayu mudah untuk dipelajari dan difahami, namun jika kosa kata yang dimiliki oleh pelajar tidak banyak, maka mereka pasti akan mengalami kesukaran untuk menerapkan sistem morfologi yang sesuai bagi bentuk kata yang digunakan. Berdasarkan penelitian terhadap skrip para pelajar, antara kesilapan yang dilakukan termasuklah penggunaan imbuhan, penggunaan kata

sendi nama, penggunaan kata asing (kata pinjaman), pemilihan kata atau istilah, perlanggaran hukum jamak, dan penggunaan kata hubung.

Penggunaan Imbuan

Pengimbuhan adalah satu proses pembentukan kata yang ada dalam bahasa Melayu yang mudah sifatnya. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan bentuk kata yang ada dalam bahasa Melayu dibentuk dengan proses pengimbuhan. Imbuan bahasa Melayu terbahagi kepada empat, iaitu awalan, akhiran, apitan dan sisipan. Namun begitu, imbuan jenis sisipan tidak lagi produktif dalam pembinaan sesuatu kata dalam bahasa Melayu. Setiap pelajar didapati melakukan kesilapan aspek imbuan (awalan, akhiran, apitan) kerana mereka keliru dan tidak begitu memahami penggunaan imbuan dengan betul. Di samping itu, sebagai akibat kurangnya pengetahuan terhadap penggunaan imbuan dalam bahasa Melayu menjadikan para pelajar menghasilkan imbuan yang tidak tepat, lantas menjejaskan makna yang ingin disampaikan. Oleh itu, penggunaan imbuan bahasa Melayu menjadi masalah utama kepada para pelajar dari China dalam menghasilkan penulisan. Contoh a. hingga e. merupakan kesilapan aspek imbuan yang dilakukan oleh para pelajar.

- a. Kemalahan (masalah) ini menyebabkan banyak kemalangan jalan raya berlaku.
- b. Kami selalu dapat melihat beberapa pemandu sambil memandu kenderaan sambil memain (bermain) telefon atau melihat kepada kawasan lain.
- c. Mereka tidak memperhatikan (memerhatikan) keselamatan orang lain dan mereka sendiri.
- d. Kalau ada haze atau berhujan (hujan) dan angin kuat, pemandu kereta atau lori tidak dapat melihat arah dengan jelas.
Contohnya memandu (pemandu) kegagalan (gagal) untuk mematuhi peraturan lalu lintas dan perintas lalu lintas.

Contoh-contoh lain seperti dalam jadual yang berikut:

JADUAL 5. Contoh Kesalahan Imbuan

Contoh	Konteks/maksud ayat
melaku	berlaku
kemabukan	mabuk
dihenti	dihentikan
penggunaan sepatutnya	pengguna
berlaju	berkelajuan
dilakukan	berlaku
menghilang	hilang
kebahayaan	bahaya
pendudukan	penduduk

Ada kemungkinan pelajar yang menduduki peperiksaan ini tidak dapat mengaplikasikan sepenuhnya sistem pengimbuhan yang mereka pelajari. Antara sebab yang mungkin boleh dikenal pasti ialah melalui tahap penguasaan asas dalam tempoh yang sangat singkat, iaitu antara satu semester hingga setahun, pelajar belum mampu menguasai dan memahami proses pengimbuhan bahasa Melayu sepenuhnya. Proses pengimbuhan secara dasar mungkin telah

mereka pelajari, namun untuk membezakan proses penggunaan antara kata kerja transitif dengan kata kerja tak transitif mereka perlukan masa yang lebih lama.

Penggunaan Kata Sendi Nama

Secara mudahnya, kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama dan antara kata sendi nama yang lazim digunakan dalam Bahasa Melayu ialah *di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, dengan, dalam*, dan lain-lain. Perhatikan contoh-contoh a. hingga c. yang diambil daripada bahan kajian, Kata sendi nama *di* digunakan khusus di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan tempat dan ditulis terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya. Namun, didapati para pelajar keliru menggunakan kata sendi *di* dan *dalam* dengan betul. Contohnya seperti yang berikut:

- a. Oleh itu, sila berhati-hati apabila anda berjalan kaki dalam (di) jalan raya atau anda memandu.
- b. Antaranya melalui kempen-kempen di (dalam) media massa dan papan iklan di tepi jalan atau lebuhraya.
- c. Berdasarkan data internet, ada banyak kemalangan terjadi di (semasa) hari hujan.

Pelajar keliru antara kata sendi *di* dengan kata sendi *dalam*. Pelajar mungkin menganggap bahawa kata sendi *dalam* mempunyai maksud dan fungsi yang sama dengan kata sendi *di*. Berdasarkan kesilapan yang dibuat, jelaslah bahawa dari segi makna pelajar faham akan ayat yang dibentuk, cuma pemilihan kata sendi yang sesuai masih belum menepati tahap penguasaan bahasa Melayu yang lebih baik.

Penggunaan Perkataan Bahasa Inggeris

Para pelajar turut menggunakan beberapa perkataan daripada bahasa Inggeris secara langsung dan cuba 'memelayukan' perkataan tersebut dalam ayat yang dibina. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa para pelajar kurang perbendaharaan kata ataupun tidak tahu perkataan yang sesuai untuk maksud dalam ayat tersebut. Oleh itu, untuk menyampaikan mesej dalam ayat, mereka menggunakan strategi mudah, iaitu dengan menggunakan perkataan dalam bahasa Inggeris. Walaupun pembaca memahami mesej yang ingin disampaikan, namun ia tetap menyalahi peraturan bahasa Melayu yang standard. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dengan memasukkan perkataan daripada bahasa Inggeris dianggap perkara yang biasa dan wajar berlaku. Hal ini kerana selain bahasa ibunda, mereka juga terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris. Perkataan seperti *lisence, haze, highway, economic, belt, stable* merupakan perkataan yang digunakan oleh para pelajar. Berikut contoh-contoh perkataan daripada bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh para pelajar.

- a. Kami sentiasa melihat motosikal di highway (lebuhraya).
- b. Pemandu kereta tidak menggunakan belt (tali pinggang) keselamatan.

Kesilapan menggunakan kata-kata daripada bahasa Inggeris dalam jawapan yang diberi juga mungkin disebabkan pelajar-pelajar China yang belajar bahasa Melayu menggunakan kamus Melayu-Inggeris sebagai rujukan. Kebanyakan pelajar China yang datang mengikuti kursus bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu menggunakan kamus Inggeris-Melayu sebagai

rujukan utama. Hal ini kerana selain menguasai bahasa Melayu mereka juga mahu mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris masing-masing.

Pemilihan Kata atau Istilah

Kesilapan dalam penulisan turut melibatkan aspek pemilihan kata ataupun istilah. Kebanyakan pelajar kurang memahami penggunaan sesuatu perkataan dalam konteks tertentu, oleh itu, terhasillah pemilihan perkataan atau istilah yang tidak tepat dalam ayat, seterusnya menjejaskan makna atau mesej yang ingin disampaikan. Malah, terdapat juga kata-kata atau istilah yang salah sama sekali. Contoh pemilihan kata atau istilah yang tidak tepat dapat dilihat menerusi contoh a. hingga e. di bawah. Contoh a. penduduk merujuk kepada penumpang, contoh b. perkataan keburukan merujuk kepada kerosakan, dan contoh c. keadaan jahat mungkin merujuk kepada kesan buruk, manakala banyak bidang bermaksud semua aspek (kehidupan). Menerusi contoh d. pula, rangkai kata tali selamat merujuk kepada tali pinggang keselamatan dan contoh e. tidak melambatkan lajunya bermaksud memperlambatkan kelajuan (kenderaan). Secara jelas, didapati perkataan dan istilah yang digunakan dalam ayat tidak tepat dan salah sama sekali.

- a. Pemandu mesti berhenti, penduduk di kereta juga perlu berhenti.
- b. Terdapat banyak punca lain, seperti kerosakan kereta dan keburukan jalan.
- c. Jerebu membawa beberapa keadaan jahat dalam banyak bidang di Malaysia.
- d. ...tidak memakai tali selamat dan sebagainya.
- e. ...tetapi pemandu (pemandu) tidak melambatkan lajunya...

Rata-rata kesalahan yang dibuat oleh pelajar disebabkan mereka tidak faham konteks penggunaan perkataan yang dipilih. Mereka mungkin memahami makna perkataan yang digunakan namun dalam konteks penggunaan mereka perlu lebih banyak membaca dan membuat latihan.

Penggunaan Kata Ganda

Kesilapan penggunaan kata penanda jamak yang mengalami proses penggandaan turut didapati dalam penulisan para pelajar. Perkataan yang sedia mendukung makna banyak atau ramai digandakan, contohnya rakyat dan penduduk. Kesilapan ini tidak seharusnya berlaku sekiranya para pelajar memahami makna perkataan tersebut dengan betul dan menggunakannya dengan betul dalam ayat. Berikut contoh yang terdapat dalam data:

- a. Sebagai rakyat-rakyat di negara ini ...

PENGGUNAAN KATA HUBUNG

Menurut Nik Safiah Karim et al. (1996), kata penyambung ayat ialah kata hubung, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk. Terdapat dua jenis ayat majmuk yang terbentuk, iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Ayat majmuk gabungan dihubungkan dengan kata hubung gabungan (cth; dan, atau, tetapi, serta, lalu dll.), manakala ayat majmuk pancangan dihubungkan dengan kata hubung pancangan. Terdapat para pelajar memanfaatkan penggunaan kata hubung dengan cara yang betul, namun begitu

terdapat juga kata hubung yang kurang tepat dan menyalahi konsep kata hubung dalam bahasa Melayu. Contoh kata hubung gabungan *dan*, *tetapi* dan *kerana* (kata hubung pancangan keterangan) dalam ayat a. hingga c. berikut tidak menepati fungsi kata hubung, iaitu tidak menghubungkan dua binaan ayat dan terletak pada kedudukan subjek ayat.

- a. Dan mereka suka memotong kenderaan lain.
- b. Dan hujan sering menyebabkan pemandangan pengguna jalan raya tidak terang dan jelas.
- c. Tetapi kami terpaksa memandu kereta.

Penggunaan kata hubung sebagai pemula ayat juga menunjukkan bahawa pelajar masih belum menguasai sepenuhnya aspek morfologi dan sintaksis yang ada dalam bahasa Melayu.

Analisis Kesilapan Sintaksis

Sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Juga menjelaskan kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah Karim et. al, 1996: 317). Kesilapan aspek sintaksis agak sukar dianalisis secara terperinci kerana sesuatu ayat yang dibina mengandungi lebih daripada satu kesilapan. Contohnya, struktur ayat, binaan frasa, ayat tergantung, malah terdapat ayat yang tidak difahami maksudnya turut ditemui dalam data. Setiap pelajar melakukan kesilapan aspek sintaksis yang pelbagai jenis dan agak sukar bagi pengkaji untuk mengkategorikan kepelbagaian tersebut. Kebanyakan ayat yang dibina menyalahi bentuk dan struktur yang telah ditetapkan oleh peraturan-peraturan sintaksis. Namun begitu, secara umumnya kesilapan sintaksis dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu pengaruh atau lenggok bahasa basahan (lisan), kesilapan aras frasa, kekaburan makna, ayat tidak gramatis, ayat sukar ditafsir, binaan subjek dan predikat, dan ayat tergantung.

Berdasarkan analisis, wujud binaan ayat-ayat yang mempunyai pengaruh bahasa lisan ataupun bahasa percakapan sehari-harian. Za'ba mengistilahkan hal ini sebagai gaya cakap mulut, iaitu 'susunannya senang, ayat-ayatnya ringkas, perkataannya banyak terpotong-potong oleh hendakkan cepat, dan terkadang perkataan yang terpakai di dalamnya itu tidak pernah terpakai dalam surat'. Oleh itu, ayat-ayat jenis ini dicirikan dengan perkataan dan binaan ayat-ayat yang ringkas. Selain itu, terdapat juga ayat-ayat yang mempunyai pengaruh bahasa pasar. Walaupun pengaruh bahasa pasar tidak begitu banyak dalam data kajian, tetapi cukup dapat dibuat kesimpulan perkaitan bahasa pasar dengan penutur atau kaum asing yang menggunakan bahasa Melayu. Berikut merupakan contoh ayat-ayat yang ditemui dalam penulisan para pelajar YUN.

- a. Saya pikir faktor-faktor kemalangan jalan raya di Malaysia ada banyak.
- b. Jalan tidak baik, kecil, waktu malam tidak ada lampu dan lain-lain.
- c. Faktor pertama ialah sangat banyak motor.

Ada juga kemungkinan pelajar terpengaruh dengan struktur ayat bahasa ibunda. Apabila mereka membina ayat dalam bahasa Melayu, susunan ayat yang diterjemah daripada bahasa ibunda memungkinkan wujudnya binaan ayat yang tidak betul atau tidak gramatis. Di samping itu, terdapat juga ayat-ayat yang tidak gramatis dan sukar ditafsirkan makna yang ingin disampaikan oleh para pelajar. Perhatikan contoh ayat d hingga g yang berikut:

- d. Jadi itu kena melakukan kemalangan.
- e. Penyelidikan membawa maksud kepantasan kenderaan semakin laju, bahaya pemanduan semakin besar.
- f. Tetapi bahaya sering dilakukan pada sekejap.
- g. Kebanyakan jalan raya dilakukan kerana kepantasan kenderaan sangat laju menyebabkan pemandu tidak dapat memandu kenderaan dengan selamat.

Mekanikal

Kesilapan aspek mekanikal merangkumi hal-hal seperti ejaan, penggunaan huruf besar, dan juga penggunaan tanda baca. Ketiga-tiga aspek tersebut dianggap satu kebiasaan bagi pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Kebanyakan pelajar yang melakukan kesilapan ejaan dan kesalahan huruf besar dalam menulis kata nama khas disebabkan mereka tidak tahu ejaan yang sebenar ataupun cuai dalam penulisan.

Selain itu, kesilapan tanda baca turut dilakukan oleh para pelajar, namun begitu kesalahan tersebut tidak banyak dilakukan berbanding kesalahan ejaan. Antara tanda baca yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah tanda sempang (-), tanda elipsis (...), tanda titik bertindih (:), tanda koma bertitik (;), tanda soal (?), tanda seru (!) dan sebagainya. Tanda baca yang kerap digunakan oleh para pelajar ialah tanda koma (,), dan tanda noktah (.). Menurut *Gaya Dewan Edisi Ketiga* (1995), terdapat 10 fungsi tanda koma (,), antaranya, ialah:

- i. Memisahkan unsur-unsur kata dan frasa yang berurutan.
- ii. Sebelum klausa yang berfungsi sebagai pelengkap.
- iii. Selepas kata hubung pangkal ayat.
- iv. Sebelum keterangan tambahan di akhir ayat yang bermula dengan “iaitu”, “yakni”, “misalnya”.

Di samping itu, tanda noktah (.) mempunyai lapan fungsi, antaranya ialah:

- i. Di akhir setiap ayat lengkap.
- ii. Di akhir ayat perintah atau suruhan yang kadang-kadang terdiri daripada satu kata sahaja.
- iii. Kependekan nama
- iv. Sebagai tanda perpuluhan atau pecahan.

Contoh a. dan b. memaparkan contoh-contoh penggunaan tanda baca yang salah dan tidak mematuhi penggunaan yang sebenar, iaitu:

- a. Oleh itu. (.) pelanggaran boleh berlaku kuat sehingga mangsa kemalangan terkorban.
- b. Untuk mengelakkan peningkatan kes kejadian kemalangan, langkah (-) langkah perlu dilakukan oleh pihak kerajaan (,) iaitu melalui...

Para pelajar didapati masih belum menguasai tanda baca bahasa Melayu sepenuhnya. Bukan sahaja tanda baca yang menjadi masalah, pelajar-pelajar yang dikaji juga kerap melakukan kesalahan ejaan. Kelihatan seperti pelajar-pelajar hanya menghafal perkataan-perkataan yang digunakan, ada kemungkinan juga mereka sendiri tidak faham makna perkataan-perkataan tersebut. Berikut merupakan beberapa contoh kesalahan ejaan dan kesalahan penggunaan huruf besar bagi kata nama khas yang dapat dilihat daripada penulisan para pelajar.

JADUAL 6. Contoh Kesalahan Ejaan

Salah		Betul
memerihara		memelihara
komonen		komponen
pertua	sepatutnya	ketua
pemantu		dipandu
Jalan Raya		Jalan raya
kopi		topi
kerabau		kemarau
bimbin		bimbit

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar ini bukan sahaja menyebabkan markah yang mereka perolehi tidak tinggi tetapi juga menyebabkan para tenaga akademik mengalami masalah untuk memastikan tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar ini dapat ditingkatkan. Hal ini juga menyebabkan pihak fakulti turut menghadapi masalah apabila pelajar-pelajar yang datang mengikuti kursus bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu memerlukan pemindahan kredit bagi tujuan pengijazahan. Penguasaan bahasa Melayu yang sangat asas tidak dapat membantu para pelajar untuk mendapatkan gred yang tinggi dalam pengajian mereka.

CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN

Kedatangan pelajar-pelajar dari negara China untuk mengikuti program dan kursus-kursus yang ditawarkan di Akademi Pengajian Melayu ini sememangnya bukan sahaja dapat menyebarkan penggunaan bahasa Melayu, tetapi juga dapat mengembangkan lagi Pengajian Melayu di peringkat global. Namun begitu, dengan kemahiran peringkat asas yang mereka miliki masih tidak mencukupi bagi mereka untuk bersama-sama dengan pelajar tempatan mengikuti program dan kursus-kursus yang ditawarkan. Ini adalah disebabkan peringkat kemahiran asas masih belum mencukupi untuk mereka memahami subjek yang memerlukan daya pemikiran yang tinggi dalam memastikan setiap kursus atau subjek yang ditawarkan dan diambil dapat difahami dan diaplikasikan dalam proses pembelajaran bahasa Melayu mereka.

Sehubungan itu, perbincangan ini turut mengemukakan beberapa cadangan supaya pembelajaran bahasa Melayu dapat diterima dengan lebih berkesan oleh para pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Ab. Razak & Muhammad Saiful Haq (2011) dan Rohaidah (2015) dalam kajian masing-masing ada membincangkan berkenaan cadangan pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, iaitu:

- i. masa latihan yang konsisten dan mencukupi – bagi memastikan para pelajar dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik, masa dan latihan yang konsisten adalah amat penting. Dengan ini para pelajar akan sentiasa mengikuti pembelajaran dengan modul-modul yang disediakan dan akan secara berterusan dapat menguasai aspek bahasa dengan baik.
- ii. aktiviti komunikasi – komunikasi merupakan aktiviti yang amat penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa. Melalui komunikasi pelajar akan dapat mengaplikasikan semua aspek bahasa yang telah mereka pelajari. Komunikasi akan menguatkan lagi penguasaan bahasa Melayu yang sedang mereka pelajari.

- iii. sukatan pelajaran dan bahan pengajaran yang bersesuaian – pelajar-pelajar yang datang untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu perlu mengikuti sukatan pelajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa mereka. Bahan pengajaran pula haruslah yang bersifat mudah dan senang diikuti serta mudah pula untuk didapati.
- iv. pembelajaran BAHASA MELAYU berasaskan multimedia – sesuai dengan perkembangan teknologi terkini pembelajaran bahasa Melayu yang berasaskan multimedia boleh digunakan sebagai satu cara untuk menarik minat pelajar-pelajar asing menguasai bahasa Melayu. Pelbagai bentuk multimedia boleh dihasilkan bagi membolehkan para pelajar mengakses bahan dan latihan secara dalam talian.

Cadangan yang dikemukakan di atas sesuai diaplikasi kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kemahiran asas dalam bahasa Melayu. Bagi membolehkan mereka menguasai bahasa Melayu di peringkat yang lebih tinggi persediaan awal juga perlu difikirkan dan dilaksanakan sama ada di Akademi Pengajian Melayu mahupun di universiti asal masing-masing. Namun begitu, bagi para pelajar yang sudahpun agak mahir dalam bahasa Melayu dan ingin mendalami bahasa Melayu dan kursus-kursus lain di Akademi Pengajian Melayu untuk masa-masa akan datang disarankan agar:

- i. Para pelajar yang ingin mendalami bahasa Melayu dan kursus-kursus lain di Akademi Pengajian Melayu untuk masa-masa akan datang disarankan agar mempelajari dan menguasai asas bahasa Melayu secukupnya sebelum menyambung pengajian ke universiti-universiti tempatan di Malaysia. Walaupun mereka sudah mengikuti beberapa kursus bahasa Melayu di universiti masing-masing sebelum datang ke Malaysia, namun terdapat segelintir pelajar yang belum benar-benar dapat menguasai kemahiran dalam pembelajaran bahasa, khususnya menulis. Selain mengikuti kursus-kursus yang disediakan, para pelajar seharusnya mempunyai inisiatif sendiri yang lebih bersungguh-sungguh. Para pelajar boleh membaca lebih banyak penulisan berbahasa Melayu seperti majalah-majalah ilmiah, meningkatkan kosa kata, dan membuat latihan-latihan tertentu. Mungkin juga pihak universiti terbabit perlu melanggan atau membekalkan buku-buku tatabahasa bahasa Melayu yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa Melayu masing-masing dan memperbanyakkan latihan bagi membolehkan para pelajar menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.
- ii. Para pelajar yang mengikuti program bahasa Melayu di China didorong oleh minat terhadap bahasa Melayu dan juga kepentingan ekonomi, iaitu untuk mendapatkan pekerjaan setelah tamat pengajian. Oleh itu, para pelajar harus mempunyai motivasi yang tinggi dan beriltizam untuk mendalami ilmu berkaitan pengajian Melayu dengan serius dalam tempoh pengajian satu atau dua semester di universiti. Seeloknya pelajar yang dihantar mengikuti kursus bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu merupakan pelajar tahun akhir. Pelajar tahun akhir yang sudah banyak menguasai aspek tatabahasa dan kosa kata bahasa Melayu akan dapat mengikuti kursus dan program di Akademi Pengajian Melayu dengan lebih baik.
- iii. Para pelajar seharusnya diuji menerusi ujian-ujian bahasa atau peperiksaan khas berkaitan pengajian Melayu di universiti masing-masing. Ujian tersebut haruslah meliputi kemahiran-kemahiran penting dalam pembelajaran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penilaian atau peperiksaan yang dilakukan sebelum mereka datang ke Malaysia membolehkan pihak pengajar dapat mengetahui tahap-tahap

kemahiran para pelajar, sama ada berada pada tahap penguasaan bahasa yang lemah, sederhana, ataupun baik. Hal ini penting dilakukan kerana pihak pengajar dapat merangka sukatan pelajaran dan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap penguasaan para pelajar tersebut. Menurut Awang Sariyan (2006:11), bahan pengajaran mesti berbagai-bagai bentuk dan konteksnya. Pengajar perlu menyediakan bahan berbentuk audio, video, grafik, lukisan, brosur, iklan dan juga karya kreatif.

KESIMPULAN

Aspek kesalahan bahasa merupakan aspek yang tidak boleh diketepikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, terutama bahasa Melayu. Penggunaan bahasa yang tepat dan betul perlu bagi memastikan setiap orang yang menggunakan bahasa Melayu dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik. Kesalahan bahasa bukan sahaja boleh menyebabkan kesilapan dalam mentakrif makna tetapi juga boleh menyebabkan penggunaan bahasa tersebut menjadi tidak selaras. Adalah penting bagi pengguna bahasa kedua memahami aspek tatabahasa dengan jelas bagi memastikan mereka dapat menguasai dan menggunakan bahasa yang dipelajari dengan tepat. Berdasarkan pengajaran dan pemerolehan bahasa Melayu oleh penutur asing di universiti, walaupun didapati bahawa para pelajar dari negara China yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menghadapi masalah bukan sahaja dalam aspek morfologi, malahan juga sintaksis, dan kesalahan aspek mekanikal, namun beberapa langkah dan kaedah pengajaran juga perlu diselaras dan diubah suai agar proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Penguasaan dan kemahiran bahasa Melayu yang baik amat perlu bagi pelajar-plejar dari universiti luar negara yang datang mengikuti pengajian di universiti tempatan di Malaysia, lebih-lebih lagi di Akademi Pengajian Melayu.

RUJUKAN

- Ab. Rahman Ab. Rashid & Yap Kim Fatt. 1998. *Bahasa Melayu Komunikasi*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ab. Razak Ab. Karim & Muhammad Saiful Haq bin Hussin. 2011. Tahap penguasaan bahasa Melayu Pelajar di Islamic Santitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 18-44.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2011. *Nahu Melayu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Asmah Haji Omar. 1992. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2006. Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Matlamat dan Pertimbangan Strategi. *Jurnal Persatuan Linguistik*, Jilid 7, 1-16.
- Gaya Dewan Edisi Ketiga*. 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1984. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan. 1994. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2010. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Eliza Abdul Rahman & Mohd Shahrizal Nasir. 2014. Faktor Kewujudan Sinonim dalam Bahasa Melayu dan Arab: Satu Analisis Perbandingan. *Jurnal Melayu*, 12 (1), 51-59.
- Norsimah Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. 2012. Pembelajaran bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 227-240.
- Raminah Hj. Sabran & Rahim Syam. 1984. *Kajian Bahasa untuk Pelatih Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Raja Mukhtaruddin & Raja Mohd Dain. 1992. *Pembinaan Bahasa Melayu Perancangan Bahasa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Kedua.
- Ramli Salleh. 2006. Imbuhan dan Penandaan Tematik dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, Volume 2, 52-60.
- Rohaidah Haron. 2015. *Analisis Kesilapan Bahasa Melayu dalam Penulisan Pelajar Asing: Suatu Perbincangan*. Kertas kerja, Seminar Pengajaran Bahasa Melayu, School of Liberal Arts, Walailak University, Nakhon Si Thammarat, Thailand, Jun.
- Salinah Jaafar, Puteri Roslina Abdul Wahid, Zamre Hassan & Noriza Daud. 2008. *Bahasa dalam Komunikasi Antara Budaya: Akomodasi dalam Komunikasi Verbal Melayu-China*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu 2008, Universiti Putra Malaysia, Serdang, November.
- Za'ba. 2000. *Pelita bahasa Melayu Penggal I-III Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. 2010. Isu Imbuhan /di-i/ Bahasa Melayu: Apitan atau Gabungan? *Jurnal Melayu*, (5), 103-126.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. 2011. Pemeraksanaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu*, (6), 13-27.
- Zulkifley Hamid. 2006. Penyediaan Bahan Pengajaran Bahasa Melayu yang Bermutu: Penerapan Teori Linguistik. *Jurnal Melayu*, 94-106.

Biodata Penulis:

Salinah binti Jaafar

Penulis merupakan Timbalan Pengarah Ijazah Dasar Akademi Pengajian Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik dan Leksikologi Melayu. Beliau merupakan seorang daripada pengajar kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar asing di Akademi Pengajian Melayu.

Rohaida Haron

Penulis merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang pengkhususan beliau ialah Wacana Bahasa Melayu. Beliau juga merupakan seorang daripada pengajar kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar asing di Akademi Pengajian Melayu.